

28/01/2001

Tahniah kerana adakan dialog perdana

KALAU Kiau kata Kiau ucap tahniah kepada Perdana Menteri, tentulah ada orang kata Kiau mengampu. Di akhir-akhir ini, ada orang yang takut cakap baik tentang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pasal takut dituduh mengampu.

Kalau dia buat perkara yang baik atau betul pun mereka tak berani puji atau bagi penghargaan pasal takut dicap kaki bodek.

Ada pula yang tidak berani lagi cakap baik tentang Dr Mahathir pasal kononnya dia tidak sepopular dulu lagi. Tapi kita semua tahu, waktu dia popular, orang inilah yang jaja nama dia ke hulu hilir. Mereka tumpang sekaki.

Sekarang kita dengar dalam Majlis Tertinggi Umno pun sudah ada orang yang kritik dia. Kiau harap janganlah disalah anggap pula hujah Kiau ini. Kiau takut ada orang kata Kiau sengaja laga-lagakan pemimpin Umno atau Kiau ada agenda.

Ini penyakit orang Melayu. Belajar satu perkataan atau istilah, mereka guna macam nak gila tak kira betul atau tidak. Konspirasi dan agenda di mana-mana saja.

Kiau ucap tahniah kepada Dr Mahathir pasal sudah mula lawat kampung dan jumpa rakyat jelata. Dia pun dah lama bagi tahu hasrat nak jumpa rakyat jelata, sama ada ahli Umno atau tidak, Melayu atau bukan Melayu.

Kiau yakin selepas Negeri Sembilan dan Kedah, Dr Mahathir akan lawat negeri-negeri lain pula.

Yang Kiau harap sangat ialah Dr Mahathir dibagi peluang jumpa dan dengar rintihan, sungutan dan harapan rakyat jelata. Dibagi masa dan ruang berdialog dan berbahas dengan mereka.

Menurut laporan New Straits Times semalam, dalam lawatan ke Sik, Kedah, pada hari Jumaat, Dr Mahathir ada 20 minit saja untuk bersoal-jawab dengan hadirin mengenai tuntutan Suqiu, kejatuhan harga getah dan kenaikan harga barang.

Di Pokok Sena, Padang Terap, pada hari Khamis dialog dengan ahli Umno terpaksa dibatal. Khabarnya Dr Mahathir mahu dialog terbuka bukan yang dirancang atau orchestrated, kata orang putih.

Kiau harap janganlah ada pemimpin Umno di mana-mana peringkat atau kakitangan awam yang cuba halang dialog terbuka antara Dr Mahathir dengan ahli Umno dan rakyat jelata.

Kiau tahulah ada pemimpin Umno dan kakitangan awam yang tidak suka dialog terbuka pasal mereka takut pekung di dada mereka terdedah.

Maklumlah bukan semua ketua bahagian, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri atau kakitangan awam yang buat kerja untuk rakyat.

Banyak juga yang bila Dr Mahathir tanya jawab semua oriet (all right) pasal itulah jawapan paling senang dan selamat. Ada juga tak cakap benar kerana kononnya takut Dr Mahathir marah.

Orang macam ini tentulah tak suka Dr Mahathir cakap terus dengan rakyat. Tapi inilah yang Dr Mahathir kena buat untuk perkuatkan balik sokongan rakyat kepada kerajaan dan parti.

Kadang-kadang orang politik ini pelik sikit. Di depan Dr Mahathir dia cakap lain, di belakang lain. Di depan dia puji, di belakang dia caci. Jadi elok sangatlah Dr Mahathir cakap terus dengan rakyat jelata sekali sekala.

Bagus juga kalau Ahli Yang Berhormat dan pemimpin Umno lain seram sejuk dan senak perut sekali sekala.

Tentang adanya kritikan terhadap beliau dalam Majlis Tertinggi atau

tempat-tempat lain, Kiau tak hairan. Kiau rasa Dr Mahathir pun tak hairan dan tak terkilan.

Dia bukan baru sehari dua dalam politik. Dia lebih daripada biasa dengan kritikan dan kecaman. Apa lagi yang orang tak gelar kepada dia? Semua dah ada. Daripada pelampau Melayu (Malay Ultra) di zaman Tunku kepada Maha Firaun di zaman Internet ini.

Kiau rasa kalau dia boleh jawab dan patahkan hujah lawannya di luar negara, masakan dia tak boleh hadapi kritikan daripada ahli partinya sendiri atau daripada rakyat jelata.

Kiau tak kata orang yang kritik atau lawan Dr Mahathir tak cerdik, tak betul atau tak kuat. Mereka cabar dia bukan saja dalam mesyuarat MT. Dalam pertandingan MT pun mereka cabar juga. Tapi mereka tak memang.

Banyak orang tak setuju dengan Dr Mahathir. Kiau pun kadangkala macam itu juga. Ada yang kata Dr Mahathir tak dengar cakap. Itu hak dialah. Dia ketua. Dia pilih yang mana dia nak dengar dan mana yang dia tak mahu dengar. Tapi kita kena akui yang dia lebih kerap betul daripada silap dalam tindakannya.

Kalau dia silap, salah satu puncanya ialah dia tak dapat nasihat yang betul atau orang yang sepatutnya bagi dia nasihat tak berani cakap terus terang.

Ada yang kata mereka tak tegur Dr Mahathir pasal mereka hormat kepada beliau. Kiau kata mereka keliru antara hormat dengan takut. Sebenarnya mereka takut.

Tapi rakyat jelata, mereka tak takut. Bagi peluang mereka cakap. Tak apalah kalau hujah mereka tak bernas atau tak tepat. Pokok pangkalnya apa yang mereka kata itu penting. Dalam komunikasi, tanggapan atau persepsi sama pentingnya dengan hakikat atau realiti.

Maka Kiau ucap syabas kepada Perdana Menteri dan kepada rakan dialog beliau, iaitu rakyat jelata dan ahli akar umbi Umno.

(END)